



Bil. 2/2015

BULETIN

JABATAN PERUMAHAN NEGARA

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



3

MAJLIS
PENYERAHAN
KUNCI PROJEK
PERUMAHAN
TERBENGKALAI

7

INFO BAJET 2016



8

SUDUT KESPEN:
"JPN NITE 2015"

Penasihat:

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali
Ketua Pengarah

Ketua Editor:

Noor Rozana binti Ashari
Ketua Unit Korporat

Penolong Ketua Editor:

Muhammad Hanafi bin Jalalonuhali
Syed Mohd Zhubir bin Syid Zin
Nur Fariza binti Mohammad
Noor Syafiza binti Ahmad Sohaimi
Mohd Riza Khushairi b. Ibrahim

Sidang Pengarang:

Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Projek PPR
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
(Unit *MyHome*)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Teknologi Maklumat
Unit Integriti

Penerbit:

Unit Korporat

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya Buletin Jabatan Perumahan Negara Bil. 2/2015 dapat diteruskan penerbitannya. Tujuan penerbitan Buletin ini adalah sebagai wadah perkongsian maklumat mengenai program/ aktiviti/ kejayaan yang telah berlangsung dengan jayanya sepanjang tahun 2015 untuk tatapan warga JPN khususnya dan para pembaca amnya. Terbitan kali ini turut dimuatkan dengan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Terbengkalai Taman Kota Lenggong, Lenggong, Perak dan juga beberapa lagi program yang telah dilaksanakan oleh JPN.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan tenaga dan idea serta memberikan komitmen yang padu terhadap penghasilan Buletin JPN ini. Saya berharap agar ikatan dan semangat kerja yang kuat ini akan terus berkekalan di masa hadapan.

Terima Kasih.

Noor Rozana binti Ashari
Ketua Editor
Buletin Jabatan Perumahan Negara

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI DAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO) PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN KOTA LENGGONG LENGGONG, PERAK.

Lenggong - YB Dato' Saarani B. Mohamad ADUN Kota Tampan, Merangkap Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perladangan, Penerangan & Pembangunan Modal Insan telah merasmikan Majlis Penyeraha Kunci Dan sijil Layak Menduduki (CFO) Taman Kota Lenggong, Perak pada 15 Disember 2015.

Projek perumahan terbengkalai Taman Kota Lenggong ini telah diisytiharkan **terbengkalai pada 22 April 2014** melibatkan sebanyak 52 unit rumah teres satu tingkat

yang sepatutnya siap pada tahun 2007 tetapi telah terhenti akibat masalah kewangan syarikat pemaju asal.

Hadir sama di majlis ini adalah YDh. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shahrudin B. Hj. Nazari, Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YB Dato' Hj. Tarmizi Bin Hj Idris, ADUN Kenering, Tuan Hj. Mohd Tahir Bin Osman, Pegawai Daerah Hulu Perak dan Tn. Hj. Muhammadin B. Taib, Pengarah Bahagian Pemulihan Projek Sasta Terbengkalai JPN.



SEKITAR MPN 2015

21 OGOS 2015



***RETREAT* PERANCANGAN STRATEGIK**

JABATAN PERUMAHAN NEGARA (JPN)

Pulau Carey - JPN telah mengadakan Mesyuarat *Retreat* Perancangan Strategik JPN 2015 dan 2016 pada 10 hingga 12 Disember 2015. Mesyuarat Pembukaan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Muhamad Yusoff B. Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara.

Mesyuarat ini dilaksanakan bagi menyemak dan menilai Perancangan Strategik JPN yang telah ditetapkan bagi tahun 2015 disamping menilai mutu dan kualiti Jabatan dalam melaksanakan operasi dan pembangunan berkaitan perumahan. Selain itu mesyuarat turut membincangkan hala tuju jabatan disamping menetapkan Sasaran Kerja Tahunan JPN bagi tahun 2016.



#INFO

#BAJET
2016

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

“Peningkatan 34% jumlah peruntukan bagi rumah di bawah Program Perumahan Rakyat”

34%



RM200 juta
Skim Pembiayaan Deposit
Rumah Pertama

RM40 juta

untuk pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai dan pengecualian duti stem



RM863 juta untuk PPR membina

22,300 unit pangsapuri

9,800
rumah teres



RM155 juta

Penyelenggaraan rumah awam kos rendah dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia - untuk pembiayaan 100% pembaikan lif, tangga, handrail dan pendawaian semula



PAMERAN JPN



SHEDA PROPERTY EXPO 2015



ECOBUILD SOUTHEAST ASIA 2015



MALAYSIA PROPERTY EXPO 2015

SUDUT KESPEN: “JPN NITE 2015”

MAJLIS PERJUMPAAN

KETUA PENGARAH BERSAMA WARGA JPN



Putrajaya - Bertemakan “Party Like A Star” telah berlangsungnya Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Bersama Warga Jabatan Perumahan Negara bersempena JPN Nite 2015 telah diadakan pada 4 Disember 2015. Majlis yang dihadiri oleh semua warga Jabatan bersama-sama Pengurusan Tertinggi JPN turut diselitkan dengan Ucapan Amanat Tahun Baharu 2016 daripada YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan.

Majlis yang diselenggarakan bersama antara KESPEN yang dipengerusikan oleh En Muhamad Bin Musa dan Bahagian Khidmat Pengurusan JPN turut disempurnakan dengan tayangan video aktiviti Jabatan sepanjang tahun 2015 serta pengumuman pegawai baharu dan bertukar keluar jabatan serta turut meraikan pegawai yang telah bersara dari JPN pada tahun ini.





JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Aras 30-38, No.51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8891 4409
Laman Web: <http://ehome.kpkt.gov.my>
E-mel: unitkorporatjpn@kpkt.gov.my
  Jabatan Perumahan Negara